



## Keperluan Mengikut Sunnah

Daripada Abu Muhammad, Abdullah bin Amru bin al-Ash R.Anhuma daripada Nabi Muhammad SAW bersabda:

*لَا يُؤْمِنُ أَحَدُكُمْ حَتَّىٰ يَكُونَ هَوَاهُ تَبَعًا لِمَا جِئْتُ بِهِ*

**Maksudnya:** “Tidak beriman seseorang daripada kalangan kamu sehingga hawa nafsunya mengikut apa yang aku bawa.”

Riwayat al-Bukhari

### Pedoman dan Iktibar Hadis

Antaranya:

1. *Muslim adalah insan yang sempurna.* Muslim adalah insan sempurna yang mempunyai aspek-aspek keperibadian yang ideal. Tidak berlaku percanggahan di antara perkataan dan perbuatannya, dan di antara tindakan dan pemikirannya. Bahkan dia adalah insan yang mempunyai hati dan lidah yang serasi dengan seluruh anggota badan yang lain. Begitu juga berlaku keserasian di antara akal, fikiran dan perasaannya.
2. Keseimbangan di antara roh dan jasad tetap wujud. Lidahnya menuturkan keyakinannya, manakala akidahnya pula tercerna pada anggotanya.
3. Perjalanan hidup dan tindak-tanduknya menjadi lurus. Syahwat tidak dapat menguasainya, bidaah tidak dapat menjadikannya seorang yang melampaui batas dan begitu juga keseronokan dunia tidak mampu melalaikannya. Seluruh kehidupannya adalah berasaskan kepada syariat Allah SWT yang sedikitpun tidak mengandungi kebatilan. Perkara inilah yang ditegaskan oleh

Rasulullah SAW ketika Baginda meletakkan garis pemisah bagi seorang muslim yang beriman di dalam sabdanya yang bermaksud: “*Tidak beriman seseorang daripada kalangan kamu, sehingga hawa nafsunya mengikut apa yang aku bawa.*”

- Hakikat al-hawa (nafsu) dan jenis-jenisnya. Al-Hawa boleh diertikan dengan kecenderungan hati kepada kebenaran, mencintai dan menjunjungnya. Di antara penggunaan al-hawa dengan makna tersebut ialah kata-kata Aisyah R.Anha: Aku melihat Tuhanmu melainkan dia bersegera kepada hawa kamu (kecenderungan hatimu terhadap kebenaran). Hadis ini diriwayatkan oleh al-Bukhari. Kata-kata ini diucapkan ketika turunnya ayat:

تُرْحِي مَنْ تَشَاءُ مِنْهُنَّ وَتُشْوِي إِلَيْكَ مَنْ تَشَاءُ وَمَنْ أَبْغَيْتَ مِمَّنْ عَزَّلَتْ فَلَا جُنَاحَ  
 عَلَيْكَ ذَلِكَ أَدْنَى أَنْ تَقْرَأَ عَيْنَهُنَّ وَلَا يَخْرُجَ وَيَرْضَيْنَ بِمَا أَإِلَيْتُهُنَّ  
 كُلُّهُنَّ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا فِي قُلُوبِكُمْ وَكَانَ اللَّهُ عَلَيْمًا حَلِيمًا

**Maksudnya:** Engkau boleh menangguhkan sesiapa yang engkau kehendaki dari mereka dan Engkau boleh mendampingi sesiapa yang Engkau kehendaki.

(Surah al-Ahzab: 51)

- Begitu juga kata-kata Sayidina Umar RA di dalam kisah tawanan Badar: Rasulullah SAW cenderung (*Yahwa* - daripada perkataan *al-hawa*) kepada pendapat Sayidina Abu Bakar dan tidak cenderung kepada pandanganku.
- Al-Hawa* juga boleh diertikan dengan kecenderungan dan kecintaan. Termasuk di dalam pengertian ini kecenderungan kepada kebenaran dan selainnya. Inilah makna yang dikehendaki oleh hadis ini.
- Ia juga boleh diertikan dengan memenuhi tuntutan tubuh badan dan keinginannya. Pengertian ini adalah yang biasa digunakan untuk perkataan *al-hawa*. *Al-hawa* dengan pengertian inilah yang banyak kali dicela, diminta berhati-hati serta menjauhkan diri oleh nas-nas syarak kerana kebiasaannya keinginan syahwat ialah cenderung kepada perkara yang bertentangan dengan kebenaran dan memenuhi keinginan tabiatnya, bukannya tuntutan syarak. Oleh itu, ia membawa kepada kesesatan dan kecelakaan. Allah SWT berfirman kepada Nabi Daud AS:

وَلَا تَتَّبِعُ الْهَوَى فَيُضْلِكَ عَنْ سَبِيلِ اللَّهِ

**Maksudnya:** *Dan janganlah engkau menurut hawa nafsu kerana yang demikian itu akan menyesatkan dari jalan Allah.*

(Surah Sad: 26)

8. *Mengikut hawa nafsu. Punca maksiat, bidaah dan berpaling daripada kebenaran.* Sesiapa yang mengikut syahwat dan membiarkan dirinya dikuasai oleh hawa nafsu, maka ia akan dipandu ke medan maksiat dan dosa serta diterjunkan ke lembah penyanggahan syariat Allah SWT.
9. Sebenarnya mereka yang melakukan penyelewengan dan bidaah, orang-orang kafir dan fasik yang menolak kebenaran dan manhaj ini. Mereka bertindak demikian bukan disebabkan kaburnya kebenaran atau tidak berpuas hati terhadap kebenaran tersebut, sebagaimana dakwaan mereka kerana kebenaran adalah terlalu jelas dan kebatilan adalah samar dan kaku, tetapi disebabkan dorongan hawa nafsu yang diikuti. Firman Allah SWT:

فَإِنْ لَمْ يَسْتَجِبُوا لَكَ فَاعْلَمْ أَنَّمَا يَتَّقْوُنَ أَهْوَاءُهُمْ وَمَنْ أَضَلُّ مِمَّنْ أَتَيَّ  
هُوَنَّهُ بِغَيْرِ هُدَىٰ مِنْ اللَّهِ

**Maksudnya:** *Kemudian kalau mereka tidak dapat menerima cabaranmu (wahai Muhammad) maka ketahuilah sesungguhnya mereka hanyalah mengikut hawa nafsu mereka. Dan tidak ada yang lebih sesat dari orang yang menurut hawa nafsunya dengan tidak berdasarkan hidayah petunjuk daripada Allah.*

(Surah al-Qasas: 50)

### Mutiara Hikmah

- ❖ **Pujangga berkata:** Jadikan Nabi Muhammad SAW sebagai teladan, kerana Baginda adalah pemimpin yang menghantar kepada kebahagiaan, yang menunjukkan kepada kejayaan dan menghantar kepada keuntungan dan kejayaan.

**Mutiara Hikmah**

❖ **Pujangga berkata:** Bergembiralah dengan hal-hal yang boleh menghapuskan dosa-dosa, misalnya amal soleh, musibah-musibah, taubat, doa dari kaum muslimin, rahmat dari yang Maha Pengasih dan syafaat dari Rasulullah SAW.

**Kisah Teladan**

Ibn Kathir dan al-Zahabi serta yang lainnya menyebutkan tentang Shilah bin Usyaim yang berjihad di sempadan Kabul. Ketika malam tiba, dia meronta-ronta di atas tempat tidurnya, hingga dia melakukan *qiyamullail* dan sembahyang tahajud.

Salah seorang yang mengikutnya berkata: Dia berganjak dari tempat tidurnya menuju ke dalam di pinggiran kota Kabul. Dia mengatakan lagi: Saya pun naik ke atas pokok hendak melihat apa yang dia kerjakan di sana? Saya melihat dia melakukan sembahyang dan bermunajat kepada Allah sambil menangis. Tiba-tiba keluarlah seekor singa daripada hutan tersebut dan hendak menghampirinya. Demi Allah, dia sama sekali tidak berganjak, tidak menoleh dan tidak bergerak dalam sembahyangnya. Singa itu menghampiri dan berdiri di sebelahnya.

Tatkala dia mengucapkan salam daripada dua, dia berkata: Wahai singa, kalau kamu diperintahkan membunuh saya, teruskanlah, kerana pada malam ini tidak ada yang dapat menolong saya melainkan Allah, kalau kamu tidak diperintahkan untuk itu, pergilah dan carilah rezekimu dan biarkan saya sembahyang kerana Allah. Teman itu berkata: Demi Allah, saya melihat singa itu tersipu-sipu menggerakkan ekornya dan menundukkan kepalanya. Lalu singa itu mengaum, hampir sahaja membuat jantungku berdebar. Kemudian dia pergi. Sementara itu, Shilah meneruskan sembahyangnya hingga pagi hari. Pada pagi harinya, saya melihatnya sangat rajin beribadah, sementara saya melihat diri saya orang yang paling malas.

Kerana orang ini (temannya) belum membiasakan dirinya dengan berjaga di malam hari, sementara yang seorang lagi (Shilah) sudah biasa berjaga malam bersama Allah SWT.